

SOALAN TEMUDUGA UNTUK PROF. TARMIZI, UMK

BOLEHKAH ANDA MEMBERIKAN KENYATAAN INI SEBAGAI AYAT PEMBUKA UNTUK DOKUMENTARI INI, DALAM VERSI ANDA.

"" Malaysia, sebuah negara di Asia Tenggara, terkenal dengan salah satu layang-layang tradisional terbesar di Dunia, yang dikenali sebagai "Wau". "

*LAYANG-LAYANG kau melayang di langit biru,
Layang-layang kau melambang cita yang tinggi,
Layang-layang jelajahi halaman indah,
Kau megah di angkasa..."*

Bait-bait lagu 'Layang-layang' alunan penyanyi tersohor tanah air, Jamal Abdillah, karya Ahmad Nawab dan Dalina pada 1983 menjadi simbolik permainan tradisional itu mempunyai kaitan rapat dengan masyarakat. Ini turut disokong dengan kewujudan peribahasa Melayu, 'bagai layang-layang putus tali' merujuk kepada kehidupan yang terumbang-ambing dan tidak tentu arah tujuan ibarat ditiup angin tanpa pegangan. Wau dan layang-layang adalah permainan yang sama dan ia perlu diterbangkan ke udara dengan bantuan tiupan angin. Perbezaannya terletak pada istilah dan material digunakan dalam proses penghasilannya. Seperti wau, ia menggunakan bahan tradisional seperti buluh dan kertas. Panggilan wau lebih popular dalam kalangan penduduk pantai timur. Manakala panggilan layang-layang di pantai barat pula diperbuat daripada material seperti kertas, kain, plastik dan sebagainya.

Memiliki keindahan tersendiri seperti reka bentuk, pilihan kombinasi warna unik dan disuntik dengan aksesori perhiasan termasuk lampu LED, adalah antara kreativiti dipertontonkan pelayang demi kepuasan diri serta tampak menyerlah di mata pengunjung. Ini terbukti apabila menyaksikan sendiri layang-layang penyanyi popular dari Korea Selatan, PSY, berbaju ungu, bercelana hitam sambil memakai kaca mata 'menari' di awan. Tidak cukup dengan itu, ikan paus, ikan lumba-lumba, lipan dan buah-buahan termasuk strawberi pelbagai warna turut bebas berterbangan di udara membuatkan suasana di pantai Batu Manikar, Labuan lebih ceria dan meriah. Julung kalinya, Perbadanan Labuan dengan kerjasama Majlis Pelayang Malaysia (MPM) menganjurkan Festival Antarabangsa Layang-layang Labuan 2019 Edisi Pertama, pada 6 hingga 8 September lalu. Festival ini mendapat sambutan menggalakkan apabila menerima penyertaan seramai 63 pelayang termasuk 34 pelayang dari 14 negara lain. Antara negara yang turut menghantar wakil adalah Thailand, Brunei, Korea Selatan, Australia, New Zealand, Ireland, Sweden, Scotland dan Amerika Syarikat. Presiden MPM, Datuk A Rahim Nin berkata, penganjuran kali pertama ini selari dengan objektif persatuan dalam memartabatkan permainan tradisional ini. "Tujuan penganjuran ini adalah mewujudkan perpaduan dan keharmonian ditonjolkan semua lapisan peserta menerusi kreativiti dan kepelbagaian reka bentuk layang-layang dihasilkan. Festival Layang-layang Pasir Gudang dianjurkan sejak 24 tahun lalu hingga kini.

"Lebih menarik, festival ini disenaraikan sebagai program pelancongan peringkat negeri serta nasional, malah festival ini menjadi acara yang dinanti-nantikan setiap tahun," katanya ketika ditemui. Katanya, penganjuran festival seperti ini antara inisiatif tepat untuk memberi pendedahan dan menarik minat anak muda mencuba serta mewarisi pembuatan dan kaedah permainan layang-layang. Menyedari perkembangan pesat era teknologi dan digital, Nik Arif berkata, ibu bapa, institusi pendidikan serta masyarakat memainkan peranan penting untuk mengangkat permainan layang-layang. Jelasnya, usaha untuk membawa permainan ini dalam sistem pembelajaran di sekolah antara idea ingin dilaksanakan penggiat layang-layang.

MENGAPA IA DIPANGGIL WAU?

Definisi Layang-layang dan Wau

Layang-layang atau **layangan** adalah rangka kayu yang baluti kertas dan diterbangkan dengan tali layang-layang dan dijadikan aktiviti untuk tujuan tertentu terutamanya sebagai aktiviti rekreasi. Merupakan alat permainan yang dibuat daripada kertas, gentian atau kain yang berangka daripada buluh atau gentian.

Wau adalah layang-layang yang berkepala, bersayap, berekor dan bertali teraju diterbangkan dengan bantuan angin. Wau terdapat dalam pelbagai bentuk dan nama dikenali juga dengan nama layang-layang di Johor, Negeri Sembilan dan Selangor.

Istilah Layang-layang di Malaysia

lebih sinonim di negeri-negeri di pantai barat dan selatan Semenanjung Malaysia seperti di Selangor, Melaka dan Johor berbanding dengan negeri di pantai timur. Ini terbukti berdasarkan catatan Tun Sri Lanang, di mana menurut beliau, Raja Ahmad bermain layang-layang bersama-sama dengan pemuda-pemuda serta kerabat di raja. terbahagi kepada empat:

1. Layang-layang laga
2. Layang-layang anak
3. Layang-layang hiasan
4. Layang-layang atau wau

Asal Istilah Wau

1. Sumber 1 : Catatan Tun Seri Lanang dalam Sejarah Melayu

- Nama lain bagi wau adalah layang-layang. Catatan Tun Seri Lanang dalam Sejarah Melayu yang menyatakan bahawa Raja Ahmad bermain layang-layang bersama pemuda-pemuda serta kerabat DiRaja, dan tidak pula disebut bermain wau. Namun perkataan layang-layang hanya digunakan di kebanyakan negeri-negeri seperti di Pantai Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia seperti Selangor, Melaka dan Johor.

2. Sumber 2 : Sumber Lisan Orang-Orang Tua Di Negeri Kedah

- Menurut sumber lisan orang-orang tua di Negeri Kedah, perkataan wau ini dipercayai berasal daripada perkataan Kerajaan Melayu Pattani, Thailand di mana layang-layang dipanggil disebut sebagai 'wau' dan banyak digunakan oleh rakyat di negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia terutama sekali di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.
- Perkataan wau juga merujuk kepada sejenis burung besar yang biasa dijumpai di Asia Tenggara.

3. Sumber 3 : Wayne Hosking dalam "Kites of Malaysia"

- Menurut Wayne Hosking dalam "*kites of Malaysia*" perkataan wau berasal daripada Belanda iaitu berasal daripada perkataan "Wouw".

4. Sumber 4 : Perkataan Wau Wujud Daripada Bunyi Yang Dihasilkan Oleh Busur Yang Terdapat Pada Wau

- Fakta terbaharu yang dijumpai, menyatakan bahawa perkataan wau wujud daripada bunyi yang dihasilkan oleh busur yang terdapat pada wau. Apabila wau dinaikkan ke udara, daun ibus yang dipasang pada busur itu menghasilkan bunya 'wau', 'wau', 'wau' secara irama.

Wau Bulan dan Seni Pertukangan dawai pintal (Filigree)

1. Wau Bulan juga boleh didapati daripada Seni Pertukangan iaitu dawai pintal (Filigree). Seni pertukangan perak adalah salah satu cabang kesenian orang-orang Melayu yang amat terkenal di negeri Kelantan. Kemahiran pertukangan logam orang-orang dipercayai telah wujud sejak zaman-berzaman, hasil pengaruh tamadun Hindu dan Islam yang memang terkenal dengan pertukangan barangan logam seperti emas dan tembaga. Bagi masyarakat yang telah mengenali seni pertukangan perak filigree atau turut dikenali dengan dawai pintal, mengakui bahawa seni perak filigree mempunyai keindahannya yang tersendiri.
2. Keindahan yang dimaksudkan ini bukan sekadar kehalusan ragam hiasan pada penciptaan suatu motif yang terselindung sebaliknya mengikut daya imajinasi jiwa pencipta itu sendiri. Kebanyakan barangan filigree memaparkan peralatan perhiasan diri yang menjadi kegemaran kaum wanita. Pelbagai motif terdapat dalam pertukangan filigree ini antaranya motif bunga-bunga dan motif wau. Tarian Siti Wau Bulan Asal-usul tarian ini adalah dari Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu. Tarian ini menggambarkan wau bulan yang sedang diterbangkan dengan penuh keriang yang juga merupakan salah satu acara tradisi semasa musim menuai padi. Tarian ini ditarikan oleh penari lelaki dan perempuan dengan diiringi oleh alat muzik tradisional seperti gendang dan seruling. Bahagian Perincian Wau pula terdapat lima komponen asas bagi sebuah wau tradisional iaitu terdiri daripada kepala wau, busur atau dengung, sayap wau, torek atau bahagian pinggang dan ekor wau

BOLEHKAH ANDA MEMBERITAHU KAMI TENTANG ASAL USUL WAU MALAYSIA? DAN ASAL USULNYA.

Asal Usul Dan Sejarah Wau Di Malaysia Kedatangan permainan wau di Malaysia tidak dapat dipastikan kesahihan tarikh serta asal-usulnya. Walau bagaimanapun menurut *sejarahwan Clive Hart*, layang-layang di Malaysia berasal dari negara China. Ini kerana rekabentuk serta karektor mempunyai persamaan dengan layang-layang tradisional dari negara China. Layang-layang pada masa dahulu menggunakan daun kayu yang lebar. Kemungkinan evolusi layang-layang di Malaysia juga turut menyerap unsur-unsur kebudayaan dari negara China.

Asal Usul Dan Sejarah Wau Di Kelantan. Sejak berkurun lagi permainan wau sangat rapat dengan masyarakat Kelantan. Wau ini juga telah diangkat untuk dijadikan sebagai salah satu tradisi negeri Kelantan. Antara wau yang terkenal ialah Wau Bulan, Wau Kekek, Wau Puyuh, Wau Kebayak dan Jala Budi. Wau Bulan diangkat sebagai wau kebangsaan dan wau puyuh menjadi wau tradisi kelantan. Wau Kelantan ini sangat terkenal dengan kehalusan seni ciptaannya dan turut dianggap unik oleh sesetengah masyarakat luar. Wau-wau ini biasanya akan diterbangkan di udara sebagai permainan di waktu lapang. Negeri-negeri lain di pantai barat dan semenanjung Malaysia menggunakan perkataan layang-layang berbanding wau.

WAU BULAN.

Wau Bulan dihasilkan dengan saiz yang lebih besar berbanding wau-wau lain. Bentuknya juga menyerupai bulan sabit di bahagian hadapan dan separa bulat pada bahagian ekornya. Apabila diterbangkan wau ini akan kelihatan seperti bulan. Ada juga yang mengatakan perkataan wau timbul daripada bunyi busur apabila ianya diterbangkan di udara. Boleh dikatakan kemunculan Wau Bulan serta wau-wau lain mempunyai pelbagai cerita dan mitosnya yang tersendiri mengikut tempat masing-masing.

ASAL USUL WAU

1. Asal Usul Wau 1 : Kisah Kelahiran Dewa Muda oleh Dewi Dewa Dani

- Mengikuti asal usul yang lain, yang lebih dekat dengan mitos, ia bermula apabila Dewi Dewa Dani melahirkan Dewa Muda. Bidan Ketujuh membuang tembuni Dewa Muda ke laut. Maka Mak si Dewa Dewa yang sedang bertapa di kayangan merasa tidak selesa duduk di kayangan, lalu dia turun ke Medan Kulum Laman Yang Rata, dan dilihatnya tembuni Dewa Muda terapung-apung di Sungai Nil. Tembuni itu dipulihkan menjadi seorang dewa yang dinamakan Awang si Jambul Lebat dan selaput tembuni Dewa Muda itulah dijadikan rangka Wau untuk Dewa Muda. Untuk menyiapkan Wau tersebut, Mak si Dewa Dewa mengambil panau Dewa Muda untuk dijadikan bunga Wau, tangan Dewa Muda untuk sayap Wau, laras kaki Dewa Muda dijadikan tangan dan badan wau serta rambut Dewa Muda dijadikan jambul Wau. Bila Wau ini dinaikkan, maka busurnya berbunyi dua belas bahasa dan dua belas ragam. Dari bunyi busur itulah wujudnya nama "Wau". Mengikuti asal usul ini juga, wau yang tidak ada busur atau busurnya tidak berbunyi dua belas bahasa dan dua belas ragam yang dipanggil layang-layang.

2. Asal Usul Wau 2 : Kisah Seorang Putera Srivijaya, Dewa Muda yang membuat serangan balas untuk menyatukan kembali kerajaannya.

- Wau Bulan lahir sebagai lambang penyatuan kembali Empayar Srivijaya oleh Dewa Muda. Setelah kemangkatan pembina Empayar Srivijaya iaitu Sri Maharaja Sri Jayanaga, maka empayar yang meliputi seluruh Asia Tenggara ini mulai berpecah diperintah secara berasingan dari negara induk Srivijaya iaitu Medang Bhumi. Di awal abad ke-8 muncul seorang tokoh, iaitu cucu Sri Maharaja Sri Jayanaga yang bernama Jaya Sinha. Beliau mempunyai berbagai gelaran, antaranya Sabjaya atau Sanjaya Putera, Inu Dewa, Seri Panji, Mahisa Kelana Seri Panji, Raden Inu Kertapati atau Raden Asmarajaya dan Hyang Kamajaya, tetapi dia lebih terkenal dalam cerita-cerita tradisi sebagai Dewa Muda. Dewa Muda telah mengadakan beberapa serangan untuk menyatukan kembali Empayar Srivijaya. Sebelum Dewa Muda mengadakan serangan, dia telah lama bertapa dan apabila selesai, dia pulang dari gua tempatnya bertapa dengan membawa rangka atau lembaga wau bulan yang baginya merupakan peta penyerangan dan penaklukan kembali Empayar Srivijaya atau Asia Tenggara itu. Dewa Muda menakluk kembali empayar yang agung itu kira-kira pada tahun 713 hingga 779 Masihi. Setelah mendapat kemenangan, Wau Bulan yang menjadi lambang Empayar Srivijaya dikenali sebagai 'Sejagat Tanah Jawa'. Kepala dan tengkuk wau bulan yang berbentuk garuda itu melambangkan raja segala burung yang sebenarnya seorang wali. Namanya ialah Riah, dalam Bahasa Arab disebut Nabi Mahlail Alaihissalam antara 313 rasul dan dalam Bible, beliau disebut dengan nama Mahalelselt. Dan beliau digelar Burung Petala Indera. Oleh itu, kepala Wau Bulan ini melambangkan roh dan semangat Empayar Srivijaya, dan memberi erti asas kebudayaan dan asas peradaban dalam empayar ini. Diceritakan lagi bahawa busur wau ini memiliki dua belas bahasa, dua belas ragam yang melambangkan negeri atau daerah yang disatukan kembali dengan negara pusat Empayar Srivijaya. Dua belas negeri tersebut iaitu Filipina, Vietnam, Segenting, Kemboja, Laos, Thailand Tengah dan Utara, Burma, Burma Barat dan Benggala Timur menganjur ke Kepulauan Andaman, Pulau Irian dan Pulau Sulawesi. Sementara dua belas ragam bererti dua belas suku terdapat di dua belas daerah atau negeri tersebut.

- Rekabentuk wau bulan secara falsafahnya adalah :
 - **Nusarantang** (kawasan yang bersambung) iaitu bulatan bulan / bahagian dada wau pada Wau Bulan melambangkan negeri-negeri daratan iaitu, merangkumi Semenanjung Indonesia, Thailand dan Burma yang dinamakan.
 - **Nusa Kencana** (Kawasan Emas) iaitu Tanah Melayu iaitu bahagian pinggang / bintang yang terletak di antara bulatan bulan sabit penuh dilambangkan sebagai negara pusat atau kawasan pusat pemerintahan
 - **Nusantara** (kawasan yang dirantai oleh laut-laut) iaitu bahagian bawah wau / bulan sabit penuh yang melambangkan seluruh kawasan Indonesia, Sabah, Sarawak dan Filipina
 - **Tiga Teraju** Wau Bulan melambangkan tiga bahagian empayar Srivijaya, dan diikat oleh satu tali melambangkan Empayar Srivijaya ini diperintah oleh satu pusat pentadbiran.

3. **Asal Usul Wau 3 : Kisah Dicipta oleh Sang Jaya yang mempunyai gelaran Dewa Muda, Dewa Hindu dan Masai Kelana Seri Panji**

- Menurut suatu catatan, wau dipercayai dicipta oleh seorang yang bernama Sang Jaya atau yang mempunyai gelaran seperti Dewa Muda, Dewa Hindu dan Masai Kelana Seri Panji. Wau dipercayai dihasilkan antara tahun 711 hingga 839 Masihi. Terdapat beberapa dakwaan tentang Negara asal bermulanya wau seperti di Indonesia, Thailand dan tidak kurang pula yang mendakwa dari Kelantan. Pada awalnya wau dicipta sebagai lambang kebesaran sesebuah negara. Wau digunakan sebagai panduan untuk menentukan sesuatu arah. Wau juga dikatakan menjadi lambang kejayaan setiap serangan yang dilakukan oleh sesebuah negara yang dilakukan oleh sesebuah negara ke atas negara lain. Selepas berjaya dalam serangan pesta menyambut kemenangan diadakan dengan menaikkan wau. Lama kelamaan wau dijadikan permainan mengisi masa lapang yang popular sehingga diadakan pertandingan pula. Kini wau merupakan permainan tradisional masyarakat Melayu di beberapa negeri seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Biasanya wau dimainkan pada musim kemarau setelah selesai menuai padi.

4. **Asal Usul Wau 4 : Kisah Semangat Padi**

- Asal usul Wau bulan yang mana ianya mempunyai kaitan dengan semangat padi. Kisah Mitos ini bermula dengan mitos Semangat Padi yang berasal dari utara Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Kedah. Di ceritakan bahawa ada sepasang suami isteri di negeri tersebut yang bekerja sebagai petani di sebuah kaki bukit dengan menanam padi huma. Ketika mereka sedang menanam padi, mereka terjumpa seorang bayi perempuan lalu dipeliharanya bayi tersebut sehinggalah dewasa. Disebabkan suaminya ingin mengucapkan syukur dan terlalu menyayangi anak gadisnya itu maka beliau selalu membawakan makanan ke tempat anak gadisnya bermain iaitu di baluh padi. Perbuatan suaminya itu telah menyebabkan isterinya merasa sangat cemburu. Perasaan cemburunya itu menyebabkannya telah menyiksa anak gadisnya sehingga melarikan diri mengikut arah mata angin barat. Akibatnya, pada tahun itu juga padi yang telah dikerjakan tidak menjadi. Menurut Tok Nujum yang ditemui menyatakan bahawa anak gadis mereka sebenarnya adalah Semangat Padi dan menasihatkan petani tersebut. Sebagai tanda meminta maaf mereka dikehendaki membuat sebuah lembaga yang menyerupai Wau Bulan dan diterbangkan menggunakan tali jerami.

5. **Asal Usul Wau 5 : Kisah berasal dari negara China**

- Wau Bulan di Tanah Melayu dikatakan berasal dari negara China sejak 3000 tahun yang lalu. Pada masa itu wau bukan dicipta untuk tujuan hiburan, sebaliknya untuk menerbangkan makanan kepada mereka yang terperangkap di bukit-bukit atau gunung-gunung semasa banjir. Namun begitu, kesahihan tarikh serta asal usulnya tidak dapat dipastikan. Hal ini berasaskan :
 - Rekabentuk dan ciri yang ada pada wau di Malaysia mempunyai persamaan dengan layang-layang tradisional di negara China.
 - Kemungkinan evolusi layang-layang di Malaysia menyerap unsur-unsur kebudayaan China
 - Hubungan baik diplomatik antara Tanah Melayu dan China telah berlangsung sejak zaman dahulu lagi.

6. **Asal Usul Wau 6 : Kisah Permainan Tanpa Nama**

- Mengikut cerita lain pula, wau itu pada awalnya adalah permainan tanpa nama. Permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak ini diperbuat dari daun tertentu yang diikat pada tulang belakang daun tersebut dengan tali kelopak batang pisang atau urat-urat daun nanas. Wau dimainkan di tempat yang berangin.pada suatu ketika dahulu, permainan tanpa nama itu putus talinya, dan kanak-kanak itu pun menangis "wa,wa,wa,wa...", maka, menurut yang empunya cerita, lahirlah perkataan "Wau".

7. **Asal Usul Wau 7 : Kisah Kembayat Negara di zaman Siti Zubaidah**

- Dalam asal usul yang lain pula, wau dinyatakan berasal dari Kembayat Negara di zaman Siti Zubaidah dan wau ini bernama Wau Lenggang Kembayat. Wau inilah yang dinaikkan oleh Pembina Empayar Srivijaya iaitu Dewa Muda. Bentuknya tidaklah seperti Wau Bulan seperti yang dinyatakan dalam asal usul di atas. Wau Lenggang Kembayat ini bentuknya seperti Wau Ikan yang wujudnya sekarang ini.

8. **Asal Usul Wau 8 : Kisah dalam Buku 'Sejarah Melayu' yang menceritakan perihal pertandingan wau yang disertai oleh Raja Ahmad putera Sultan Mahmud**

- Wau bukan sahaja sudah dimainkan malah sudah mempunyai pelbagai bentuk rupa pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud. Perkara ini dapat dibuktikan melalui buku 'Sejarah Melayu' yang menceritakan perihal pertandingan wau yang disertai oleh Raja Ahmad putera Sultan Mahmud. Ini menunjukkan permainan wau pada masa itu sangat popular hingga wujud permainan kebangsaan bagi anak-anak raja dan golongan istana.

BOLEHKAH ANDA MEMBERITAHU KAMI MITOS DAN LEGENDA YANG BERKAITAN DENGAN WAU?

MITOS TENTANG WAU – SDA -

BOLEHKAH ANDA MEMBERITAHU KAMI BEBERAPA PERISTIWA PENTING YANG BERKAITAN DENGAN WAU?

1. Wau Bulan / Wau Kucing diajdikan subjek Logo MAS
2. Wau Bulan diangkat sebagai Wau Kebangsaan Malaysia
3. Wau Puyuh diangkat sebagai Wau Tradisi Negeri Kelantan menggantikan Wau Bulan
4. Wau yang paling dikenali ialah wau bulan
5. Wau Bulan yang telah diabadikan pada duit 50 sen dan RM1 ringgit.
6. Pesta Wau Antarabangsa bermula pada tahun 1982, 2012 Pesta Wau Antarabangsa dipindahkan di Pantai Geting, Tumpat kali ke-30 yang melibatkan 48 peserta terdiri dari 18 buah negara iaitu USA, New Zealand, Thailand, Jerman, Switzerland, Brunei, Singapura, Indonesia, Vietnam, 7 Kemboja, India, Australia, Filipina, Jepun, China, Macau, Korea dan Nepal. Manakala penyertaan kebangsaan melibatkan 168 peserta dari seluruh negeri, 88 peserta dari peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga lebih 60 pelajar turut mengambil bahagian. 2019 diadakan di Labuan.
7. 2 buah pusat rujukan layang-layang dan wau diwujudkan di Malaysia iaitu Muzium Layang-Layang Pasir Gudang, Muzium Wau Kelantan di Tumpat. Diiktiraf sebagai muzium layang-layang pertama di Malaysia, ia mempunyai koleksi lebih 500 layang-layang tempatan dan luar negara. Sejak dibuka pada tahun 2002, ia turut memaparkan sejarah permainan tradisional rakyat. Layang-layang yang ditempatkan di situ juga datang dari pelbagai negara seperti Jepun, China, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.
8. 2 pertubuhan ditubuhkan dan pengasas di Malaysia iaitu Majlis Pelayang Malaysia dan Persatuan Pelayang Kelantan

BOLEHKAH ANDA MEMBERITAHU KAMI TENTANG KEPENTINGAN WAU DALAM SEJARAH MALAYSIA, JIKA ADA?

- Mengekalkan budaya, jati diri penduduk asal Tanah Melayu.

BOLEHKAH ANDA BERCAKAP TENTANG JENIS WAU DI MALAYSIA?






Wau Bulan diangkat sebagai Wau Kebangsaan Malaysia

- Motif bunga dan awan larat yang disobek menghiasi wau bulan membawa erti penyebaran syiar islam oleh Dewa Muda. Apabila baginda menang dalam peperangan, baginda akan memainkan wau bulan untuk tontonan rakyat dan setiap kali itulah beberapa kuntum bunga baru terdapat pada badan wau yang menandakan jajahan baru yang baginda takluki.
- Ruang kosong di kiri dan kanan wau bulan digelar kijang emas dan kijang kaca yang melambangkan daerah yang sangat dihajati tetapi tidak dapat ditakluki iaitu Burma dan Champa.
- Dari segi saiznya, wau bulan dibentuk dengan saiz yang lebih besar berbanding wau lain. Bidang biasa adalah sepanjang 2.5 meter dengan tinggi 3.5 meter. Ini untuk memastikan corak yang terdapat pada wau tersebut kelihatan jelas dan menyerlah. Oleh itu wau tersebut seolah-oleh kelihatan seperti bulan yang terbang di angkasa lepas. Saiz wau bulan adalah besar. Wau bulan dibentuk dengan saiz yang lebih besar berbanding wau lain untuk memastikan corak yang terdapat pada wau tersebut akan kelihatan jelas sekali.
- Wau bulan merupakan wau yang paling popular di Malaysia. Kepopularannya didominasi oleh rakyat pantai timur di Semenanjung Malaysia. Bentuk jenis wau ini menyerupai bulan sabit pada bahagian hadapan dan separa bulatan pada bahagian ekornya. Justeru, wau ini mempunyai bentuk seperti bulan sabit yang di bahagian hadapan dan separa bulatan di bahagian ekor dan kelihatan seperti bulan yang terbit di angkasa apabila diterbangkan.
- Bagi menyerlahkan daya tarikan jenis wau ini, pemilihan warna yang terang dan corak yang lebih besar menjadi pilihan. Oleh itu pemilihan warna yang terang dan corak dengan jelas oleh penonton walaupun sedang terbang tinggi di angkasa.



Wau kucing , logo Syarikat penerbangan Malaysia (MAS) berasal dari Kelantan

- Wau kucing merupakan wau yang menjadi logo Syarikat penerbangan Malaysia (MAS) ialah wau kucing yang berasal dari Kelantan.
- Wau ini mendapat namanya daripada rekabentuknya yang apabila diterbalikkan menyerupai kucing.
- Bahagian ekor wau kelihatan seperti kepala kucing dari pandangan hadapan dan sayap wau seperti badan kucing, manakala kepala wau seperti ekornya.
- Bukan sahaja rupa, malah busurnya turut mengeluarkan bunyi yang nyaring seperti bunyi kucing apabila bergesel dengan angin ketika diterbangkan.
- Motif bunga yang disobek pada badan wau kucing ialah motif bunga dan tumbuh-tumbuhan menjalar sama seperti wau bulan.



Wau jala budi berasal dari negeri Kedah

- Wau jala budi pula berasal dari negeri Kedah dan mendapat namanya daripada bentuk ekornya yang menyerupai daun budi. perkataan "Jala" berdasarkan bentuk kerangka asal ekornya yang seperti jala. Bentuk Wau bersaiz sederhana ini diilhamkan daripada tubuh perempuan . Wau ini mempunyai bentuk hampir sama dengan wau "Chula Kite" yang berasal dari Thailand. Ironinya, "Chula" bermaksud "lelaki" manakala wau jala budi disamakan dengan "Perempuan". Wau jala budi mempunyai busur di bahagian atas yang akan mengeluarkan bunyi berdengung apabila diterbangkan.



Wau Merak Berasal Dari Johor / Sulawesi, Indonesia

Wau merak dikatakan berasal dari Sulawesi, Indonesia dan dimainkan oleh masyarakat Bugis. Mereka mencipta wau merak untuk menghalau burung-burung yang memakan padi mereka sehingga akhirnya menjadi kelaziman untuk membuat dan menerbangkan wau merak setiap kali selepas musim menuai padi. Wau merak tidak ada saiz tertentu sebaliknya bergantung kepada pembuat wau. Wau ini mempunyai balung di bahagian kepala. Panjang ekornya yang diperbuat daripada benang bulu, 4 kali ganda ukuran saiz badannya. Busur wau ini akan menghasilkan 7 Nada yang berbeza apabila diterbangkan dan sering dimainkan pada sebelah malam untuk mengamati nada yang dihasilkan. Motif sobek pada wau merak ialah motif pokok gambir dan lada hitam. Motif ini berkait rapat dengan sumber ekonomi masyarakat Bugis ketika itu. Kadang kala motif pokok sirih turut menjadi penghias wau merak.



Wau daun, Kelantan

Wau daun berbentuk daun. Wau yang turut dikenali dengan nama wau pagi dan wau barat ini amat berbeza dari segi hiasannya. Wau ini tidak disobek, sebaliknya dihias dengan lukisan tangan yang lazimnya corak-corak batik. Ciri-ciri hiasan ini membuatkan wau daun lebih ringan dan mudah dinaikkan walaupun dalam keadaan angin bertiup perlahan berbanding wau yang menggunakan teknik sobek yang lebih berat kerana dilapisi 3 hingga 5 lapis kertas. Wau ini tidak berdengung apabila diterbangkan kerana ia satu-satunya wau yang tidak mempunyai busur. Reka bentuk wau daun hampir sama dengan wau bulan, cuma ia memiliki sayap yang lebih lebar dan ekor yang lebih hampir dengan sayap.



Wau Dodo Helang Berasal Dari Terengganu

Wau dodo helang berasal dari Terengganu. Namanya diperoleh daripada bunyi yang dihasilkan oleh busurnya yang diperbuat daripada rotan yang diraut nipis apabila diterbangkan. Rupa bentuknya juga seperti burung helang. Yang menarik tentang wau ini berbanding wau-wau lain ialah, ekornya disambung dengan kain panjang untuk menampilkan perbezaan yang ketara.



Wau Burung , Perlis Dan Sarwak

Wau burung merupakan jenis layang-layang yang popular di Malaysia. Ia merupakan kumpulan jenis wau yang mempunyai bentuk burung, dan terdapat dalam pelbagai jenis. Antara jenis wau yang mempunyai bentuk burung adalah seperti Wau Bayan, Wau Helang, Wau Kenyalang, Wau Merak, Wau Pungguk dan Wau Sewah. Pada kebiasaannya, Wau Burung akan dipasang dengan degung atau busur pada bahagian atasnya. Ini bertujuan bagi menghasilkan bunyi berdengung yang terhasil apabila angin melalui tali busur yang direntang. Ketika diterbangkan ke udara, busur wau akan mengeluarkan bunyi yang nyaring. Sesetengah wau yang berdengung turut dimainkan pada waktu malam kerana dapat menghasilkan bunyi yang baik.



Wau Kangkang Berasal Dari Kelantan

Wau Kangkang merupakan wau yang popular di Kelantan, Malaysia. Wau ini merupakan wau tradisional yang telah dimainkan secara turun-temurun di Malaysia. Manakala di kedah wau ini dikenali sebagai Wau puyuh dan merupakan wau rasmi bagi negeri Kedah. Wau Kangkang atau Wau Puyuh ini menyerupai bentuk Wau Jala Budi tetapi memiliki corak ekor yang mencapah.



Wau Kapal Berasal Dari Selangor

Wau kapal pula merupakan sejenis jenis wau yang popular di Selangor. Wau Kapal merupakan wau tradisional yang telah dimainkan secara turun-temurun di Malaysia dan Wau Kapal merupakan wau rasmi bagi negeri Selangor. Wau kapal menyerupai bentuk wau bulan tetapi ekornya memiliki corak yang berbentuk seperti kapal.



Wau Seri Bulan Berasal Dari Negeri Perak

Wau Seri Bulan pula merupakan wau rasmi bagi negeri Perak. Wau ini mempunyai sedikit persamaan dengan Wau bulan yang dimainkan di Kelantan.

SILA NYATAKAN NAMA WAU DI NEGERI LAIN.

1. Wau Bulan – Kelantan
2. Wau Daun – Kelantan
3. Wau Puyuh – Kelantan, **Wau Puyuh adalah merupakan wau tradisi baharu untuk negeri Kelantan selepas Wau Bulan dijadikan wau kebangsaan Malaysia.**
4. Wau Kucing – Kelantan
5. Wau Dodo Helang – Trengganu
6. Wau Cenderawasih – Pahang
7. Wau Jalabudi – Kedah
8. Wau Kangkang – Kedah
9. Wau Helang – Perlis
10. Wau Seri Bulan – Perak. **Wau Seri Bulan atau Layang-Layang Seri Bulan.** Nama wau tradisi negeri Perak ini dipercayai telah diberikan ketika zaman pemerintahan Sultan Iskandar Shah
11. Wau Kotak – Pulau Pinang
12. Wau Kapal – Selangor
13. Wau Kikik – Melaka
14. Wau Seri Negeri – Negeri Sembilan
15. Wau Merak / Layang-Layang Kipas – Johor (Bugis, Sulawesi, Indonesia)
16. Wau Kenyalang – Sarawak
17. Layang-Layang

KENAPA WAU BULAN ADALAH IDENTITI KEBANGSAAN DAN BUKANNYA JENIS WAU LAIN.

Wau tradisi Malaysia, merupakan Permainan Tradisional yang telah diangkat sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2009. Wau adalah satu permainan masa lapang rakyat yang mempunyai ciri-ciri keseniannya tersendiri. Bagi masyarakat nelayan pula wau dimainkan sebagai persediaan ke laut, untuk mengetahui sama ada cuaca baik atau tidak. Hal yang sama dilakukan oleh para petani untuk membuat persediaan menghadapi musim bendang seterusnya.

BOLEHKAH ANDA BERCAKAP TENTANG KEPENTINGAN WAU BULAN?

Wau Bulan cukup dikenali di Malaysia. Wau ini merupakan layang-layang tradisional yang unik dan besar seperti saiz manusia, kebiasaannya berukuran 1.3 meter daripada kepala ke ekor. Kini, Wau Bulan telah mengelilingi serata dunia melalui Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) kerana dipilih menjadi logo syarikat penerbangan tersebut. Wau Puyuh pula merupakan layang-layang rasmi Negeri Kelantan dan strukturnya hasil daripada prinsip wau melayu tradisi. Walau bagaimanapun, ianya mempunyai penambahan sayap yang seakan sama dengan sayap burung puyuh jika dilihat dari hadapan. **Logo Pertama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS)**



Oleh: Harith Faruqi Sidek

Logo pertama MAS adalah berasaskan bentuk Wau Burung yang terkenal dan berasal dari negeri Kelantan. Simbol korporat pertama MAS ini telah digunakan mulai 19 Ogos 1971.



Sumber : Matthews, Philip. 2007. *1957-2007 Chronicle of Malaysia*. Kuala Lumpur: Didier Millet. (42 PN 4784. H4.C47 n.3 - Koleksi Khas PTSL)

BOLEHKAH ANDA MENERANGKAN KARYA REKA BENTUK DI KITES WAU.



Bahagian-bahagian Wau

Ciri-ciri utama wau mesti mempunyai kepala, sayap dan ekor.

Jenis kegunaan wau

1. ditayangkan di udara.
2. dipertandingkan keindahan hiasannya.
3. untuk hiasan dinding dan dijual kepada pelancong.

Proses Membuat Wau. Alatan dan bahan yang digunakan:

Alat. Pisau kecil, pisau raut, pisau pemotong, pensil dan gunting

Bahan. Buluh (jenis yang kuat, liut dan ringan seperti buluh duri), kertas minyak atau kertas warna, gam dan benang.

Langkah-langkah untuk membuat wau:

1. Ambil beberapa kepingan buluh yang telah diurut.
2. Ikat buluh yang telah diraut untuk dijadikan bingkai wau.
3. Ambil beberapa helai kertas warna mengikut warna kehendak kita.
4. Lipat dua helai kertas warna tadi dan tekap bentuk wau tersebut.
5. –Lipat bahagian atas kertas menjadi 1/4 dan lukis ukiran awan larat.
6. Potong dan sobek bahagian awan larat yang telah dilukis.
7. Bahagian yang telah dilsobek itu harus ditampal pada kertas warna.
8. –Tampal kertas tersebut untuk dihiasai pada rangka wau.

BOLEHKAH ANDA MEMBERITAHU KAMI TENTANG SEJARAH WAU DI ASIA TENGGARA DAN MALAYSIA?

BOLEHKAH ANDA MEMBERITAHU KAMI TENTANG PEMBANGUNAN WAU DI ASIA TENGGARA DAN MALAYSIA?

Muzium Layang Layang Pasir Gudang akan dijadikan model atau contoh bagi pembangunan muzium pertama seumpama itu di Thailand, 2 Mac 2019

BOLEHKAH ANDA MENERANGKAN PERBEZAAN ANTARA WAU DAN LAYANG-LAYANG MALAYSIA DI NEGARA LAIN?

Tradisional VS Kontemporari

Wau dimensi baru dicipta khas untuk hiasan kerana reka bentuk, corak serta warna yang begitu mengagumkan. Wau hiasan mempunyai pasaran yang baik di dalam dan juga di luar negeri, serta telah menjadi satu identity istimewa negara. Wau dengan pelbagai saiz dan corak sering diletakkan sebagai hiasan di dinding ruang tetamu, restoran, firma, hotel, pejabat, rumah dan tempat-tempat lain.

Corak hiasan wau. Corak wau tradisional biasanya digubah halus dan padat dengan awan larat yang motifkan tumbuh-tumbuhan. Corak berulang pada birai (tepi) bingkai wau juga disusun rapat. Bagi melahirkan corak yang jelas, keseluruhan corak diukir (Tebuk). Tidak sekali-kali dilukis dengan menggunakan berus dan semburan warna. Setelah diukir, barulah ditampal pada kertas warna. Beberapa lapisan warna digunakan dalam wau.

Jenis-Jenis Motif . Bunga matahari, Daun ketumbit, Ketamguri, Pucuk rebunglitik pulang petang dan Badak mudik

BOLEHKAH ANDA BERCAKAP MENGENAI KEPENTINGAN WAU DALAM BUDAYA DAN NILAI-NILAI MELAYU?

APA ITU BUDAYA ?

Perkataan budaya dalam bahasa Melayu berasal daripada perkataan Buddi atau Budayyah dalam bahasa Sanskrit yang bererti budi dan akal. Budaya juga meliputi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat resam dan kebiasaan yang diperolehi manusia sebagai anggota masyarakat. Kebudayaan boleh disimpulkan sebagai keseluruhan cara hidup manusia termasuk hasil ciptaan dan pemikiran yang sesuai dengan kehendak rohani dan jasmani yang menjadi amalan untuk kesejahteraan hidup sesuatu kelompok masyarakat.

APA ITU WARISAN ?

Menurut Jabatan Warisan Negara, warisan ialah sesuatu yang diterima secara turun temurun daripada satu generasi ke satu generasi. Sesuatu warisan itu perlu diwarisi dan dikekalkan kerana warisan tersebut menggambarkan cara hidup dan jati diri sesuatu bangsa yang pelbagai kaum. Menurut kamus Dewan, warisan boleh bermaksud dengan harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi, sesuatu yang turun-temurun atau peninggalan.

APAKAH JENIS SOKONGAN YANG ANDA FIKIR PENTING UNTUK MEMASTIKAN KELANGSUNGAN HIDUP, PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN TRADISI INI (MEMBUAT DAN BERMAIN WAU)?

DEFINISI PEMULIHARAAN

Pemuliharaan bermaksud usaha memulihkan dan memelihara sumber alam semulajadi dengan bijak dan sistematik supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Pemuliharaan merupakan satu proses menjaga dan mengawasi sesebuah warisan bersejarah dari dimusnahkan atau dibaikpulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik.

Konsep pemuliharaan warisan yang diterima dan dipraktik oleh sejagat ialah "Keaslian dalam Pemuliharaan Warisan".

1. Pembinaan Pusat Sumber Rujukan secara Fizikal dan Digital (Data Base)
2. Penganjuran Seminar
3. Penerbitan Buku / Dokumentari
4. Games & Produk Kreatif
5. Memperbanyakkan Pesta / Festival Wau Antarabangsa
6. Penerapan dalam Kursus UA berkaitan seni

BOLEHKAH ANDA BERCAKAP TENTANG USAHA YANG DILAKUKAN DALAM PEMULIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WAU MALAYSIA?

1. Pembinaan Muzium Wau di Pantai Sri Tujuh, Kelantan
2. Muzium Layang-Layang Pasir Gudang, Johor
3. Festival Layang-Layang Antarabangsa, USM KK, Labuan
4. Pesta Wau Antarabangsa Kelantan
5. Penerapan dalam Kursus UA - UMK

ADAKAH ANDA FIKIR PERLU UNTUK MENAMBAH BAIK TRADISI INI UNTUK MEMASTIKAN KELANGSUNGAN HIDUPNYA? JIKA YA BOLEHKAH ANDA MEMBERITAHU KAMI LEBIH BANYAK?

APA-APA SAHAJA YANG ANDA MAHU TAMBAH KEPADA DOKUMENTARI MALAYSIA WAU INI?

SOALAN-SOALAN BAGI TEMU BUAL DENGAN PRESIDEN PERSATUAN WAU KELANTAN

Segment 1:

1. Apakah asal-usul bagi nama "WAU" (mengapa dipanggil wau dan bukan layang-layang)?
2. Apakah asal-usul dan sejarah Wau?
3. Sila menceritakan mitos, legenda, kepercayaan, cerita donggeng dan sebagainya yang berkaitan dengan Wau?

Segment 2:

4. Apakah saiz Wau yang paling besar yang pernah disaksikan oleh Pak? Mengapah Wau besar ini dibuat dan dimainkan?
5. Sila menerangkan proses pembuatan Wau?
6. Apakah proses yang paling penting dan sukar dalam pembuatan Wau? Mengapakah process ini terpenting dan tersukar (termasuk Wau dengan saiz kecil, biasa dan besar)?
7. Sila menerangkan proses penerbangan dan memainkan Wau, terutamanya jika mahu menerbangkan dan memainkan Wau yang sebesar 15 kaki?
8. Sila menerangkan corak dalam wau bulan .

Segment 3:

9. Kenapakah orang Kelantan suka membuat dan bermain Wau?
10. Apakah perbezaan Wau Kelantan dengan Wau-wau di negeri lain?
11. Siapakah pembuat dan pemain Wau yang terkenal dan terhandal di Kelantan?
12. Apakah pendapat Pak terhadap situasi persenian Wau di Kelantan dan Malaysia sekarang?
13. Apakah pendapat Pak terhadap masa depan persenian Wau di Kelantan dan Malaysia?
14. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Persatuan Wau Kelantan untuk memelihara dan mengembangkan persenian Wau?
15. Pak ada apa-apa perkara lain yang ingin menambahkan dalam dokumentasi Wau ini?